



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
(Ministry Of Education Malaysia)
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
(Human Resource Management Division)
ARAS 3-5 DAN 12-14, BLOK E12, KOMPLEKS E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA

Telefon : +603-8884 6000 (Talian Umum)
Faks : +603-8888 6292
Laman web : <http://www.moe.gov.my>

Ruj. Kami : KPM.BPSM.S.500-4/7/125 (1)
Tarikh : 18 September 2019

Pengarah Bahagian Pendidikan Khas
Kementerian Pendidikan Malaysia

Pengarah Bahagian Pendidikan Islam
Kementerian Pendidikan Malaysia

Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pendidikan Malaysia

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**URUSAN PEMANGKUAN PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PPP)
SEBAGAI GURU BESAR EX-PPPLD DARI GRED DG41/42 KE GRED DG44
SECARA KHAS UNTUK PENYANDANG (KUP) BAGI TAHUN 2019**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan melaksanakan urusan pemangkuan Guru Besar Ex-PPPLD **Gred DG41/42 ke Gred DG44** secara Khas Untuk Penyandang (KUP) bagi tahun 2019. Sehubungan itu, Semua Ketua Jabatan adalah dipohon untuk mengenalpasti Guru Besar yang telah memenuhi syarat-syarat pemangkuan dan seterusnya memperakukan pegawai-pegawai tersebut untuk pertimbangan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran (LKPPP).

3. Pegawai-pegawai yang layak dipertimbangkan dalam urusan pemangkuan hendaklah memenuhi syarat umum dan syarat khusus urusan pemangkuan seperti di bawah:

3.1 Syarat-syarat Umum

3.1.1 **Telah disahkan dalam perkhidmatan dan pelantikan di atas Gred DG41 atau telah dinaikkan pangkat ke Gred DG42;**

3.1.2 Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan berdasarkan LNPT tiga (3) tahun terakhir 2016, 2017 dan 2018;

3.1.3 Bebas daripada tindakan tatatertib;

3.1.4 Telah mengisytiharkan harta;

3.1.5 Lulus tapisan keutuhan SPRM;

3.1.6 Bebas daripada senarai Peminjam Tegar Institusi Pinjaman Pendidikan; dan

3.1.7 Diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

3.2 Syarat-syarat Khusus

3.2.1 Calon adalah dahulunya **seorang PPPLD yang menyandang jawatan Guru Besar di Gred DG32/DG34/DG38 TERLEBIH DAHULU SEBELUM DILANTIK sebagai PPP Gred DG41/42 serta terus menyandang jawatan Guru Besar di sekolah rendah di atas Gred DG41/42 (KUP);**

DAN;

3.2.2 Calon hendaklah berada di atas jawatan Guru Besar **sekurang-kurangnya tiga (3) tahun di Gred DG41/42 sebelum atau pada 31.12.2019** dan masih terus menyandang jawatan Guru Besar di sekolah rendah semasa urusan pemangkuan dilaksanakan.

4. Untuk makluman, permohonan hendaklah melalui **Ketua Jabatan dengan menggunakan Sistem ePangkat**. **Permohonan yang dikemukakan ke Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) secara luar talian tidak akan dipertimbangkan**. Carta alir permohonan adalah seperti di **Lampiran A**.

5. Bagi Guru Besar yang **telah diperakukan kenaikan pangkat ke Gred DG44 (KUP) secara Time-Based Ex-PPPLD pada Tahun 2019 dan sebelumnya** adalah **TIDAK DIBENARKAN** memohon urusan **pemangkuan Laluan Khas** ini memandangkan tarikh kenaikan pangkat pegawai secara TBBK Ex-PPPLD adalah lebih awal. Oleh itu, **Ketua Jabatan hendaklah memperakukan pegawai-pegawai ini untuk urusan kenaikan pangkat secara TBBK Ex-PPPLD tertakluk kepada iklan yang telah/ akan dibuka**.

6. Semua Ketua Jabatan diminta **menyemak dengan teliti Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK)** pegawai dan memastikan tiada maklumat yang tertinggal ataupun berlaku sebarang kesilapan fakta yang boleh menyebabkan berlaku kesilapan dalam urusan pemangkuan pegawai. Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab sekiranya berlaku kes-kes yang tertinggal, kelewatan dalam mengemukakan perakuan pegawai ataupun sebarang kesilapan maklumat. Selain itu, diingatkan juga kepada semua Ketua Jabatan bahawa semua maklumat perkhidmatan pegawai-pegawai yang layak hendaklah dikemaskini dalam ePangkat untuk memastikan kelancaran urusan pemangkuan ini dilaksanakan. Sesalinan **Halaman Pertama (kenyataan Lantikan Tetap DG41/DG42 dan Pengesahan dalam perkhidmatan bagi DG41 oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP))**, **Halaman Penting (kenyataan pelantikan sebagai Guru Besar Ex-PPPLD)** dan **Halaman Terkini (kenyataan perkhidmatan yang terkini)** dalam **Buku Perkhidmatan Kerajaan PPP** mesti dimuat naik ke dalam sistem e-Pangkat bagi tujuan semakan maklumat-maklumat yang telah dimasukkan.

7. Semua Ketua Jabatan juga diminta untuk **MEMAKLUMKAN** kepada calon-calon mengenai perkara berikut:

- i. **urusan kenaikan pangkat Guru Besar Ex-PPPLD ke Gred DG44 TELAH MENGAMBILKIRA PENGALAMAN PEGAWAI SEMASA DI PPPLD** berdasarkan keputusan Mesyuarat Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran (LKPPP) Bil. 2 Tahun 2013 bertarikh 4 April 2013 yang telah bersetuju untuk **menolak** permohonan Guru Besar Ex-PPPLD untuk menggunakan pengalaman sebagai PPPLD dalam urusan kenaikan pangkat secara TBBK Ex-PPPLD ke Gred DG48;

- ii. **tarikh kuat kuasa pemangkuan bagi urusan ini adalah tertakluk kepada keputusan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran (LKPPP) dan BUKANNYA pada TARIKH GENAP 3 TAHUN PERKHIDMATAN PEGAWAI DI GRED DG41/42; dan**
- iii. Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam (LKPPA) Bil. 2 Tahun 2015 pada 17 Februari 2015 telah memutuskan bahawa penetapan tarikh kenaikan pangkat adalah **MULAI SEHARI SELEPAS TEMPOH PEMANGKUAN SELAMA SATU (1) TAHUN** bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Pengurusan Profesional.

8. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini bolehlah dirujuk dengan Unit Pengurusan Bakat di Bahagian/Jabatan Pendidikan Negeri masing-masing. Tarikh tutup iklan bagi peringkat **calon** adalah pada **11 Oktober 2019**, peringkat **PPD/JPN/Bahagian** pada **25 Oktober 2019** dan peringkat **Pengarah JPN/Bahagian** pada **15 November 2019** (Rujuk Lampiran A).

9. Kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam hal ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' AHMAD NADZRI BIN EMBONG)
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia

LAMPIRAN A

CARTA ALIR PERMOHONAN BAGI URUSAN PEMANGKUAN GURU BESAR PPP GRED DG41/42 KE GRED DG44 (KUP) BAGI TAHUN 2019

| <u>Perkara</u> | <u>Tindakan</u> | <u>Tempoh Pelaksanaan</u> |
|---|-----------------------------|---|
| Penyiaran iklan melalui Sistem ePangkat | BPSM/BPM | 23 September 2019 (Isnin) |
| Semakan maklumat dan permohonan melalui Sistem ePangkat | Guru Besar Ex-PPPLD (Calon) | 26 September 2019 (Khamis) – 11 Oktober 2019 (Jumaat) |
| Pencalonan dan pengesahan permohonan kepada Ketua Jabatan | PPD/JPN/Bahagian | 12 Oktober 2019 (Sabtu) – 25 Oktober 2019 (Jumaat) |
| Perakukan calon kepada BPSM | Pengarah JPN/Bahagian | 26 Oktober 2019 (Sabtu) – 15 November 2018 (Jumaat) |

***** Semua proses di atas adalah secara atas talian. Sekiranya calon merupakan Guru Besar di sekolah yang berada di Bahagian atau yang tidak mempunyai PPD, maka pengemaskinian akan dibuat oleh Bahagian/Jabatan Pendidikan Negeri berkenaan selaku Ketua Jabatan.**